



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU, 14 APRIL 2021

<b>1</b>	Harga ayam cecah RM9.50 sekilo
<b>2</b>	Harga daging, sayur di Kelantan turut meningkat
<b>3</b>	Harga dedak naik 18 peratus
<b>4</b>	Orang tengah tentukan harga ayam kepada peniaga
<b>5</b>	Peniaga tiada pilihan
<b>6</b>	Daging kerbau sejuk beku dari India bernilai RM615.000 dirampas
<b>7</b>	Berhabis demi sibulus kesayangan <ul style="list-style-type: none"><li>- Biak baka ekslusif</li></ul>
<b>8</b>	Costums D-G confident his man not involved
<b>9</b>	Che Amah penternak jaya

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14.04.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

# Harga ayam cecah RM9.50 sekilo

Kenaikan harga fenomena biasa menjelang Aidilfitri

SHAHU AM

**H**arga ayam segar di beberapa negeri menunjukkan kenaikan antara 50 sen hingga RM1 mengelang Ramadan.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Awam Sungai Besar, Selangor mendapati harga ayam naik kepada RM9 sekilogram berbanding RM8 sekilogram sejak sebulan lalu.

Seorang peniaga, Farizal Rahim, 40, berkata, kenaikan itu dipercayai berlaku berikutan pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan Aidilfitri tidak lama lagi.

Menurutnya, peniaga terpaksa berdepan kenaikan harga ayam daripada pihak pemborong yang memperoleh harga ayam lebih tinggi daripada pihak pembekal dari ladang ayam setiap kali menjelang musim perayaan.

"Kami sudah menjangkakan keadaan ini berlaku sepanjang musim perayaan dan mereka (pembekal) terpaksa menampung kos sepanjang pelaksanaan skim kawalan harga," ujarnya.

Kata Farizal, peniaga terpaksa menaikkan harga ayam kepada pelanggan disebabkan harga jualan runcit berdasarkan harga

ayam di ladang yang ditawarkan pemborong.

Katanya, ayam proses yang diperoleh daripada pemborong naik pada kadar RM1 iaitu dijual pada harga RM8 sekilogram berbanding RM7 sebelum ini.

"Jika harga yang ditawarkan pemborong tinggi, kami terpaksa jual tinggi dan jika harga ditawarkan rendah sudah pasti peniaga akan jual pada harga murah," menurutnya.

Tambahan peniaga itu, harga ayam RM9 sekilogram dianggap biasa menjelang musim perayaan dan pernah mencapai RM9.50 sekilogram.

Di JOHOR, peniaga ayam di Kempas, Rozadee Saori, 44, berkata, harga ayam di situ dijual pada harga RM8.50 sekilogram (kg) berbanding antara RM7.50 hingga RM7.90 pada minggu lalu.

"Selalunya pertengahan puasa harga ayam segar akan turun sedikit namun harga ayam akan naik semula menjelang raya.

"Ini kerana semua harga berdasarkan harga daripada pembekal.

"Pembekal naikkan harga setiap kali puasa, jadi peruncit terpaksa naikkan juga selain alasan bekalan ayam kurang," katanya.

Sementara itu peniaga ayam segar di Tampoi, Samsul Bahri Anuar, 42, berkata, kenaikan harga ayam dikesan sejak seminggu lalu.

"Harga ayam segar mengalami kenaikan dan dijual perunit



Farizal (kanan) mengakui harga ayam naik RM9 sekilogram berbanding RM8 sekilogram sebelum ini berikut pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan Aidilfitri tidak lama lagi.

cit RM8.50 sekilogram (kg) berbanding hanya RM7.50 hingga RM7.80 minggu lalu.

"Kami jual runcit berdasarkan harga ayam di ladang ditawarkan pemborong," katanya.

Di PERAK, tinjauan di sekitar Ipoh mendapati harga ayam di kedai runcit dijual sekitar RM7 hingga RM8, manakala di pasar raya dijual pada harga RM6.69 sehingga RM7.

Semakan di laman rasmi Price Catcher Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati ayam standard yang dijual di sekitar Ipoh bermula pada harga RM5.99 hingga RM9.

Di NEGERI SEMBILAN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Daerah Hal

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri itu mengesahkan berlaku kenaikan harga ayam sebanyak RM1 pada Selasa.

Pengarahnya, Ain Arjuna Aziz Azman berkata, kenaikan tersebut dikesan melalui hasil pemantauan harian yang dilakukan oleh pihaknya di semua pasar seluruh negeri itu.

"Melalui pemantauan harian yang dilakukan, kita dapat berlaku kenaikan harga ayam sebanyak RM1 di Pasar Besar Seremban dan Kuala Pilah.

"Peniaga didapati menjual ayam dengan harga RM9 ke RM9.50 pada Selasa, menyebabkan berlakunya kenaikan RM1," katanya.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini pihaknya tidak menerima laporan daripada orang

HARGA AYAM TERKINI	
Negeri	Harga
Negeri Sembilan	RM9.50
Kedah	RM8.50
Selangor	RM9
Pahang	RM9.50
Perak	RM9
Kelantan	RM7.50

ramai.

"Walaupun tiada laporan yang diterima, namun kita akan terus memantau dari masa ke masa bagi memastikan tidak berlaku kenaikan harga barang secara mendadak sempena Ramadhan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14.04.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	4



## Harga daging, sayur di Kelantan turut meningkat

KOTA BHARU - Kenaikan harga barang keperluan makanan di Kelantan pada hari pertama Ramadhan bukan sekata membabitkan harga jualan ayam mentah malahan turut membabitkan bahan utama lain taitu daging dan beberapa jenis sayur.

Kenaikan kesemua barang itu berlaku secara purata minimum antara 70 sen sehingga RM5 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah di sini mendapati harga ayam mentah dijual antara RM6,90 sehingga RM7 sekilogram (kg) berbanding RM6,20 minit lalu manakala ayam bersih sekitar RM7,50 sehingga RM7,50 sekilogram berbanding RM6,90 sebelum ini.

Harga daging lembu tempatan

Permintaan ayam yang tinggi menjelang Ramadhan dan hari puasa turut menjadi faktor kenaikan harga ayam.

ding RM29 sebelum ini manakala di gerai tepi jalan di Pintu Geng, di sini, dijual pada harga RM32 berbanding RM27 sekilogram minigu lalu.

Harga sayur juga meningkat, antaranya kubis yang dijual pada harga RM4 hingga RM5 sekilogram berbanding RM3 hingga RM4 dan sawi RM18 berbanding RM13 sekilogram sebelum ini.

Seorang peniaga ayam di Pasir Tumbuh, Ahmad Mustaqim Che Mohd Turnizi, 30, berkata, harga pengeluar ayam di ladang sudah tiga kali naik dengan kadar 30 sen setiap kali naik dengan kadar 30 sen setiap kenaikan menjelang Ramadhan, menyebabkan jualan borong dan runcit ayam turut meningkat.

"Perintah yang bertambah se-

nyebabkan kenaikan harga ayam. "Peniaga bukan sengaja meningkatkan harga tetapi bergantung kepada harga daripada pengeluar," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Azamizam Afendi Juri memberi amaran kepada semua peniaga supaya tidak menjual barang dengan harga yang melampau atau mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sesuka hati.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau peniaga yang melakukan kesalahan ini."

"Setakat ini, KPDNHEP belum menerima aduan rasmi namun anggota penguat kuasa semasa mengikuti pemeriksaan," katanya.

# Harga dedak naik 18 peratus

Pengaruhi kenaikan harga ayam di seluruh Malaysia

ALOR SETAR

**K**enaikan harga ayam yang dikesan berlaku sejak dua minggu lalu didakwa berpunca daripada kenaikan harga dedak untuk makanan haiwan tersebut.

Presiden Ayam Bismi Sdn Bhd, Datuk Jaffri Ahmad berkata, dalam tempoh itu dikesan berlaku tiga kali kenaikan dengan setiap kenaikan sebanyak 30 sen.

Beliau berkata, terkini harga ayam proses mencecah antara RM8 hingga RM8.50 setiap kilogram di Kedah.

“Turun naik harga ayam ini sering berlaku dalam pasaran, cuma kenaikan kali ini bukan disebabkan umat Islam menyambut Ramadan, sebaliknya disebabkan harga dedak yang meningkat sehingga 18 peratus sejak Oktober tahun lalu,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Selasa.

Menurutnya, kos makanan ayam yang tinggi menyebabkan penternak terpaksa me-naikkan harga ayam hidup untuk mengelakkan kerugian.

“Sebelum ini harga bagi satu beg dedak seberat 50 kilogram adalah seba-



Faktor kenaikan harga dedak mendorong harga ayam hidup naik sehingga RM1.



JAFFRI

nyak RM85, tetapi sekarang ia sudah mencecah harga RM102.

“Secara purata kos makanan bagi seekor ayam meningkat sebanyak RM1.20.

“Apabila harga daripada penternak meningkat, pemborong dan penjual pun akan naikkan harga,” katanya yang menjual ayam proses pada harga RM7.58 sekilogram di premisnya.


Jaffri menambah, sebagai usahawan yang menternak dan memasarkan sendiri ayam proses, beliau ber-

harap kerajaan dapat mencari suatu mekanisme untuk menstabilkan harga dedak.

“Harga ayam ini bukan suka-suka dinaikkan oleh penternak, pemborong atau penjual, tetapi ada sebab-sebabnya yang tertentu.

“Seperti sekarang, bahan mentah untuk penghasilan dedak ini diimport dari luar negara. Dalam keadaan pandemik sekarang, tidak dinafikan ada beberapa masalah yang mendorong kenaikan harga dedak itu sendiri.

“Mungkin kerajaan boleh cari alternatif lain agar dedak boleh dihasilkan dalam negara supaya kita tidak lagi bergantung kepada import,” katanya.



**Mohamad Adam bersama ayam temanak di ladangnya yang beroperasi di Kampar.**

## Orang tengah tentukan harga ayam kepada peniaga

IPOH - Mainan harga yang dibuat oleh orang tengah atau *integrator* juga menjadi punca peningkatan harga ayam.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Perak, Nor Azhar Mohamed berkata, pihak integrator berkuasa penuh terhadap harga ayam di pasaran kerana di ladang peningkatan tidak terlalu ketara.

“Sebenarnya terdapat beberapa keadaan yang menyebabkan kenaikan ini, antaranya penternak terikat dengan harga kontrak dengan pihak *integrator*.

“Pihak *integrator* yang mengasai pasaran dan menentukan harga ayam yang dibekalkan kepada peniaga,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengaku penternak berdepan tekanan walaupun harga naik tetapi peningkatan harga makanan ayam juga menyebabkan mereka berdepan kesukaran.

Dalam pada itu, penternak yang juga Pengarah Syarikat MA Tech-

nology System Sdn Bhd, Mohamad Adam Shah Mohamed Hussain berkata, harga bagi sekilogram ayam di ladang naik sekitar 50 sen kepada RM4.50.

Menurutnya, kenaikan tersebut turut dipengaruhi harga makanan ayam yang meningkat sehingga RM98.50 bagi 50 kilogram (kg) berbanding RM81 sebelum ini bagi dedak pemula, manakala untuk dedak penggemuk pula dari pada RM79 menjadi RM96.50 bagi 50kg.

“Memang kita akui harga di ladang sekarang naik sehingga 50 sen dan ini merupakan harga kontrak di peringkat ladang. Peningkatan ini berlaku pada tahun ini.”

“Sebagai penternak, kita mengikut kontrak yang ditetapkan malah kenaikan harga jagung di peringkat global turut menyebabkan harga makanan ayam ini naik secara mendadak,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14.04.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

## Peniaga tiada pilihan

**TEMERLOH -** Kenaikan harga yang ditawarkan pembekal menyebabkan peniaga tiada pilihan untuk menaikkan harga ayam.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa premis di sekitar Mentakab pada Selasa mendapati harga ayam dijual pada harga runcit RM9.50 sekilogram.

Bagi seorang peniaga di Pasar Awam Mentakab, Hakimi Mat Ali, 65, harga ayam runcit sekilogram dijual pada harga RM9 minggu lalu.

Dia yang sudah menjual ayam sejak tahun 44 tahun lalu menjelaskan, harga terpaksa dinaikkan walaupun terdapat rungutan daripada pelanggan.

“Ini pun harga bakal naik dalam tempoh beberapa hari lagi kerana pembekal sudah maklumkan kenaikan harga,” katanya.

Sementara itu, seorang peniaga kedai runcit yang hanya mahu dikenali sebagai Hamid, 50, memberitahu, dia terpaksa menjual pada harga RM9.50 kerana pembekal telah meletakkan harga tinggi.

“Mahu tak mahu kena jual harga mahal sedikit berbanding sebelum ini,” ujarnya.



HAKIMI



Harga ayam dijangka naik lagi dalam tempoh terdekat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14.04.2021	HARIAN METRO	LOKAL	6

lokal

## Daging kerbau sejuk beku dari India bernilai RM615,000 dirampas



**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas lebih 70 tan daging kerbau sejuk beku dari India (*gambar*) bernilai hampir RM65,000 hasil pemeriksaan terhadap empat kontena di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, jam 2.20 petang kelmarin.

Pengarah Maqis Pulau Pi-

nang Noriah Dahlan berkata, pemeriksaan terhadap kontena tersebut mendapat ia tidak menaati syarat permit import dikeluarkan piaknya.

"Keseluruhan dagangan berkenaan juga gagal memperoleh maklumat yang dikenakan pada syarat dikehendaki pada syarat import permitt yang diluluskan.

"Berikutnya itu, semua daging kerbau sejuk beku ter-

babit dirampas untuk tin- dakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhid-

matan Kuaran dan Pe-

meriksaan

Malaysia

2011(Akta 728).

Sabit kesalahan pesalah boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14.04.2021	HARIAN METRO	KUBELA	34 -35

# BERHABIS DEMI SI BULUS KESAYANGAN

Tiga kucing jenis British Shorthair Mohd Nirman dimanjakan dengan makanan premium, penjagaan rapi

Oleh Fairul Asmaini  
Mohd Pilus  
asmaini@nsp.com.my

Berhabis ribuan ringgit sebulan semata-mata minat terhadap kucing memang tidak ramai yang sanggup melakukannya.

Bagi Mohd Nirman Mohamad Najib, 39, dia tidak kisah berhabis ribuan ringgit asalkan tiga kucing kesayangannya terjaga.

Kucing jenis British Shorthair yang diberi nama Pogo, Maya serta Mayang itu dibeli pada 2015 dan kini menjadi penemana setianya di rumah.

Kata Mohd Nirman, demi menjaga kesihatan dan kecantikan bulu kucingnya, dia hanya memberikan makanan jenis premium.

"Kucing terutama jenis baka import perlu penjagaan rapi dan saya pastikan kukunya dipotong dua minggu sekali."

"Tahu matanya juga perlu dilap manakala telinga harus dikorek seminggu sekali."

"Selain itu, bulu kucing juga perlu disikat sekali sehari dan diberi ubat kuru tiga bulan sekali," katanya.

Menurut Mohd Nirman lagi, kucing tidak boleh dirindamkan dengan kerap kerana ia mudah selesema



BERTEMU jodoh dengan isteri kerana kucing.

dan demam

Kekerapan yang sesuai adalah sekali atau dua kali sahaja dalam seminggu

"Sisa buangan kucing juga perlu sentiasa dibersihkan dan pasirnya perlu ditukar sekerap mungkin."

"Memandangkan keadaan Covid-19 ketika ini, saya juga amalkan

membasuh tangan sebelum dan selepas memegang kucing

"Ia bagi mengelakkkan kucing terkena jangkitan kuman kerana jangkitan boleh berlaku daripada manusia kepada kucing," katanya


Sementara itu, kucing juga menjadi asbab menemukan Mohd Nirman



POGO kesayangan Mohd Nirman.

Memandangkan keadaan Covid-19 ketika ini, saya juga amalkan membasuh tangan sebelum dan selepas memegang kucing

MOHD NIRMAN



SQUAD JUST

dengan isterinya, Nur Saleehah Raeza Mohd Nizam.

Pengantin baharu itu berkata, isterinya itu ada menegurnya mengenai kucing kelurganya, Evian di laman sosial

"Isteri ada memberi komen terhadap gambar kucing yang dimuat naik di media sosial dan sejak itu

kami berkenalan

"Saya memilih dia sebagai teman hidup kerana dia juga menyayangi kucing dan tidak kekok menjaga haiwan itu."

"Dengan restu keluarga, alhamdulillah pada 4 April lalu, kami melangsungkan perkahwinan dan Evian turut menjadi saksi detik bermakna itu," katanya.

KUKU kucing perlu dipotong dua minggu sekali.

DARI MULAI 33

Pemilik Furvit Pet Industries Sdn Bhd dan bakal membuka studio kucing baharu Cats Are Dessert dengan peraturan lebih ketat, tidak lama lagi itu berkata, kebanyakannya kucing peliharaannya dibeli dari Poland dan Rusia sebelum dibakar serta dijual kepada pemimat kucing import di negara ini.

Kata Johan, di Malaysia terdapat ramai pembiak bertauliah yang berdaftar di bawah naungan Kelab Kucing Malaysia (KKM).

Menurutnya, selaku pembiak kucing baka yang berdaftar dan bertauliah, dia tidak boleh membaki secara suka hati kerana ada peraturan yang perlu diikuti bagi menjaga kualiti baka haiwan berkenaan.

"Kucing itu kebanyakannya adalah genetik yang sudah mutasi tapi ia boleh dibaki dengan peraturan yang betul."

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, minat rakyat Malaysia terhadap kucing baka semakin meningkat dan ketika ini baka yang paling mendapat sambutan adalah jenis Munchkin dan Golden British Shorthair."

"Ciri-ciri fizikal kucing berkenaan yang berkaki pendek dan bulat (Munchkin) selain warna bulu yang oren kekuningan (Golden British Shorthair) sememangnya menarik perhatian pelbagai lapisan masyarakat," katanya kepada Harian Metro.

Menurut Johan lagi, cintanya terhadap haiwan kesayangan Rasulullah SAW itu berputik pada 2011 ketika dia baharu sahaja tamat pengajian Diploma Bahasa Inggeris di Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis).

Bermula dengan seekor kucing jalanan, Johan kemudian membeli seekor

# BLAK BAKA ESKLUSIF

Kemesraan dengan haiwan peliharaannya mengundang rasa cemburu selain tidak boleh berjauhan terlalu lama dengan 'anak-anaknya'

kucing betina baka jenis British Shorthair berharga RM10,000 dari Rusia selepas menyedari potensi pasarnya di negara ini.

"Sejak itu, saya membeli pelbagai jenis kucing baka dari luar negara untuk dibiakkan dan ramai yang mahu memiliki termasuk dari Singapura dan Indonesia."

"Minat terhadap kucing comel itu menyebabkan ada pembeli sanggup menunggu lama (sampai setahun) untuk

mendapatkan anak kucing yang dilahirkan," katanya yang bakal mengeluarkan produk makanan tambahan kucing yang berdaftar dengan Jabatan Veterinar, tidak lama lagi.

Dalam pada itu, kemesraan Johan dengan kucing-kucingnya memang dicemburui dan dia turut membahaskan dirinya sebagai 'papa' selain mengakui tidak boleh berenggang walau satu hari.

"Saya tidak boleh berjauhan dengan kucing-kucing ini, jika balik kampung untuk beraya pun hanya sehari dua kerana fikiran tidak tenang apabila meninggalkan mereka."

"Memelihara kucing juga insya-Allah akan membawa lebih banyak rezeki kepada kita dan melihat ketulusan serta muka mereka yang comel, hilang semua masalah yang ada," katanya.

Mengakhiri perbualan, Johan sempat berpesan supaya jangan sesekali membela kucing hanya disebabkan minat yang sementara.

"Ini kerana kata Johan, memelihara kucing tidak kira baka tempatan maupun import, memerlukan komitmen yang berpanjangan dan ia tidak ubah seperti menjaga bayi."

"Selain itu, seperti haiwan bernyawa lain, kucing juga perlukan penjagaan, perhatian dan kasih sayang yang sepenuhnya daripada pemiliknya."

"Kucing juga tidak boleh tertekan kerana keadaan itu boleh menjadikan kesihatannya."

"Paling penting, kewangan perlu kukuh kerana kos menjaga kucing terutama baka import boleh memakan ribuan ringgit sebulan," katanya.

TIDAK sanggup berjauhan dengan kucing kesayangannya.



FOTO | AMIRUDIN SAHIB

COMEL antara kucing yang dibela oleh Johan.



Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, minat rakyat Malaysia terhadap kucing baka semakin meningkat dan ketika ini baka yang paling mendapat sambutan adalah jenis Munchkin dan Golden British Shorthair


JOHAN



KUCING baka Munchkin.




KUCING baka Sphynx yang turut dibela Johan.



ANTARA baka yang diminati ramai penggemar kucing di negara ini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Johor Cat Lovers atau bersama haiwan atau haiwan peliharaan boleh dikongsikan dengan menghantar emel ke [rencia@hmetro.com.my](mailto:rencia@hmetro.com.my).



A consignment of frozen buffalo meat imported from India seized by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department in Butterworth, Penang, on April 9. PIC COURTESY OF MAQIS



## Customs D-G confident his men not involved

**KUALA LUMPUR:** The Customs Department is confident its officers are not involved with cartels importing meat with dubious halal certification.

Its director-general, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir, said his office had yet to receive information on alleged or potential involvement of his men.

He was responding to a report by *Berita Harian* which urged the government to ensure the Customs Department, Malaysian Quarantine and Inspection Services Department and the Veterinary Services Department were free from corruption.

This was following alleged involvement of officers from the

three departments in the meat cartel.

On April 9, police crippled an imported meat cartel, which comprised 19 companies and raked in RM52 million in profit in a year.

"I do not have any information over the arrest (involving the cartel).

"Hence, I consider my agency is not involved in the matter. There is no information on the involvement of Customs officers (in the recent arrests) until today."

Latif said the posting of Customs officers were regularly rotated at the borders to prevent corruption.

He said the department had an

internal probe unit and integrity branch to monitor the movement of its officers.

"It is an ongoing process. We implement their schedule based on a rotation system. A staff member will not be left in a role for 10 years.


"For instance, in Johor, we place several staff members at the Sultan Iskandar Building or in Johor Baru."

On the meat cartel, Latif said the country had enough laws to curb such crimes.

"We have all the laws we need. These people (offenders) know what they did is wrong but have chosen to breach the trust given to them."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

# Che Amah penternak jaya



Oleh NUR NAZLINA NADZARI  
utusannews@mediamulia.com.my

**ARAU:** Bermula dengan modal sebanyak RM2,000 daripada pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pada 2004, Che Amah Che Mid, 52, kini sudah bergelar usahawan berjaya dengan pendapatan mencecah belasan ribu ringgit sebulan hasil daripada aktiviti ternakan yang diusahakan di belakang rumah.

Sehingga kini, Che Amah dari Kampung Kubang Batang di sini sudah menternak lebih 180 ekor kambing, enam ekor lembu dan 330 ternakan lain seperti ayam kampung, belanda dan itik.

Malah, pada satu ketika sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dia mampu menjana pendapatan sehingga RM30,000 hasil jualan ternakan tersebut.

Kongsi ibu kepada tiga orang anak itu, pada peringkat awal, dia hanya belajar berniaga secara jualan langsung berbekalkan modal pinjaman sebagai sahabat AIM sebelum menceburi dalam bidang ternakan pada 2008.



CHE AMAH CHE MID



CHE AMAH CHE MID bersama kambing yang diusahakan di Kampung Kubang Batang, Arau, Perlis. – UTUSAN/NUR NAZLINA NADZARI

"Pada mulanya, saya hanya menternak kira-kira 50 ekor lembu di belakang rumah yang meliputi kawasan kebun getah seluas 1.12 hektar. Kemudian pada 2015, kami berjinak-jinak untuk menternak kambing pula termasuk baka biri-biri dengan permulaan sebanyak enam ekor sahaja dan sehingga kini haiwan itu sudah menjadi ternakan utama."

"Kami memilih kambing sebagai ternakan utama kerana memelihara haiwan ternakan tersebut tidak memerlukan ruang yang luas berbanding kawasan ternakan lembu," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kubang Batang di sini baru-baru ini.

Tambahnya, pasaran haiwan ternakan itu adalah sekitar negeri ini selain terdapat juga pelanggan

dari Kedah dan Pulau Pinang khususnya pada musim Hari Raya Aidiladha.

"Kami memang menjual ternakan ini kepada pelanggan untuk tujuan kenduri dan sebagainya. Tapi pada tiga bulan pertama dalam tempoh PKP tahun lalu, perniagaan memang agak terjejas sehingga kami mengambil keputusan untuk sembelih dan jual secara penghantaran kepada pelanggan."

"Namun selepas keadaan semakin baik, kami kembali fokus dengan menjual ternakan

hidup walaupun jumlahnya agak berkurangan berbanding sebelum penularan pandemik Covid-19," ujarnya.

Sementara itu, Che Amah memberitahu, AIM banyak membantu dalam mengembangkan perniagaan dengan bermula daripada pinjaman sebanyak RM2,000 pada peringkat awal perniagaan sehingga RM30,000.

Katanya lagi, dua orang anaknya yang dapat menyambung pelajaran ke Kolej Universiti Bestari di Setiu, Terengganu juga disebabkan

jalinan kerjasama antara AIM dan institusi itu dalam memberi peluang kepada anak-anak Sahabat AIM bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Lebih membanggakan lagi, anak saya telah mendapat anugerah dekan menjadikan pinjaman pendidikan tidak perlu dibayar kerana ditukar kepada biasiswa," katanya.

Bagi yang berminal untuk mendapatkan sama ada ternakan hidup atau daging ternakan, bolehlah menghubungi Che Amah di 018-266 4671.